

**Dr. Mahathir jawab komen Alfred Willner
Utusan Online
26 November, 2012**

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan kepada Pemilik Euro Motors (Gibraltar) Limited, Alfred Willner bahawa tindakan beliau mempersoalkan kesahihan di sebalik peristiwa 11 September di Amerika Syarikat (AS) 11 tahun lalu adalah untuk mencari keadilan buat umat Islam sedunia.

Menurut Dr. Mahathir, ini kerana AS menggunakan alasan kononnya serangan keganasan oleh sebilangan masyarakat Arab ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York itu sebagai justifikasi untuk menyerang Afghanistan dan Iraq.

Oleh itu, beliau turut menasihatkan Willner supaya melayari pelbagai laman web dengan tema 9/11 truth (kebenaran 9/11) bagi mendapatkan kepastian mengenai tragedi itu.

Layari laman web itu dengan fikiran terbuka. Perlu juga diingatkan bahawa kebenaran adalah penting kerana insiden itu menyebabkan Afghanistan dan Iraq diserang, ratusan ribu terbunuh, muslim dipandang serong dan didiskriminasi.

Sudah tentu jika pegganas muslim tidak bertanggungjawab (dalam insiden 11 September), masyarakat Islam tidak selayaknya dikutuk, dimalukan dan dibunuh," katanya dalam surat terbuka kepada Willner seperti disiarkan di blognya <http://chedet.cc/blog> hari ini.

Pada Persidangan Antarabangsa 9/11 Revisited: Seeking The Truth Isnin lalu, Dr. Mahathir antaranya mencadangkan penubuhan sebuah suruhanjaya siasatan antarabangsa bagi menyiasat laporan kerajaan AS berhubung serangan ke atas WTC di New York dan kompleks Pentagon pada 11 September 2001.

Teks ucapannya itu turut dimuatkan dalam laman blog beliau keesokan harinya dan mendapat maklum balas panjang lebar daripada Willner.

Pemilik syarikat import dan pengedar kenderaan buatan China di Eropah itu dalam komennya antara lain secara sinis mengatakan mungkin Dr. Mahathir seorang sahaja di dunia yang berpendapat masyarakat Arab tidak mampu melakukan serangan ke atas menara WTC berkenaan.

Dr. Mahathir menambah, pelbagai pihak khususnya jurutera pakar meletupkan bangunan termasuk di AS mengatakan dua menara WTC serta sebuah lagi bangunan bersebelahan runtuh seperti biasa disaksikan dalam letupan bangunan terancang.

Katanya, Willner juga perlu memperhalusi kegagalan pihak penyelamat untuk mencari kotak hitam pesawat komersial yang digunakan dalam serangan yang kononnya dilakukan oleh pegganas Arab berkenaan.

Namun, katanya, kegagalan itu mungkin disebabkan kotak hitam berkenaan cair ekoran suhu kebakaran yang sangat panas di menara berkenaan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121126/dn_05/Dr-Mahathir-jawab-komen-Alfred-Willner

